



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***JATI DIRI KEBANGSAAN DALAM SAJAK-SAJAK TERBITAN DEWAN  
BAHASA DAN PUSTAKA***

**SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN**

**FBMK 2018 73**



**JATI DIRI KEBANGSAAN DALAM SAJAK-SAJAK TERBITAN DEWAN  
BAHASA DAN PUSTAKA**

Oleh

**SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2018**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Ayah dan Mak

**Kamarudin bin Abd. Samat dan Khalijah binti Yahaya**

Isteri

**Kamsiah binti Shufaat @ Mohd**

Anakanda

**Muhammad Insanul Kamil bin Syaidul Azam**

**Insanul Iman bin Syaidul Azam**

**Fatimah Az-Zahra binti Syaidul Azam**

Terima kasih atas pengertian dan pengorbanan.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**JATI DIRI KEBANGSAAN DALAM SAJAK-SAJAK TERBITAN DEWAN  
BAHASA DAN PUSTAKA**

Oleh

**SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN**

**Disember 2018**

**Pengerusi : Profesor Madya Arba'ie Sujud, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak yang dikaji, menganalisis jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak terbitan DBP dan seterusnya merumuskan pelestarian jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak yang dikaji. Kajian ini mengaplikasikan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971 sebagai kerangka konseptual dengan menggunakan kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan yang terdiri daripada sajak-sajak terbitan DBP dari tahun 2010 sehingga tahun 2015, merangkumi kumpulan sajak perseorangan dan antologi sajak bersama. Dapatan kajian mendapati sajak-sajak yang dikaji memperakukan bahawa bahasa Melayu, kebudayaan Melayu, dan agama Islam sebagai jati diri kebangsaan manakala, unsur kebudayaan kaum lain diterima selagi ia tidak bercanggah dengan agama Islam. Hal ini sekali gus memperakukan tiga prinsip DKK iaitu kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat rantau ini, unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan dan Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Di samping itu, DBP didapati melaksanakan peranannya sebagai satu badan autoriti dalam melestarikan jati diri kebangsaan dalam konteks penerbitan sajak-sajak di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor Philosophy

**NATIONAL IDENTITY IN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA COLLECTION OF POETRY**

By

**SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN**

**December 2018**

**Chairman : Associate Professor Arba'ie Sujud, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

The study aims to identify the national identity in the poems studied, analyzing national identity in the poems of the DBP publication and thereby formulating the preservation of national identity in the poems studied. This study applies the principles of National Culture Policy (DKK) 1971 as a conceptual framework by using the method of study, namely the literature-based method and the content analysis method comprising the poems of DBP's publications from 2010 to 2015, individual poems and poetry anthologies. The findings found that the poems studied recommended the Malay language, Malay culture, and Islam as the national identity while the other elements of culture were accepted as long as it did not conflict with Islam. This is to certify the three DKK principles in which the National Culture of Malaysia should be based on the culture of the people of this region, the elements of other cultures that are appropriate and acceptable to be elements of national culture and Islam to be an essential element in the formation of national culture. In addition, DBP has been contributed to implementing its role as an authority in preserving national identity in the context of publishing poems in Malaysia.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala pujian bagi Allah SWT selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Dengan keizinan-Nya jualah dapat saya menyempurnakan amanah dalam penulisan ini.

Terima kasih kepada YBhg. Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud, YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani dan YBhg. Prof. Madya Dr. Kamariah Kamarudin yang telah memberi saranan idea dalam usaha menyiapkan tesis ini. Terima kasih kepada ayah dan mak yang selalu mengirim doa dalam diam. Terima kasih buat isteri Kamsiah Shufaat @ Mohd dan anak-anak, Muhammad Insanul Kamil, Insanul Iman dan Fatimah Az-Zahra atas pengorbanan dan pengertian. Terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atas pembiayaan pengajian saya selama tiga tahun.

### **SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN**

Program PhD Kesusasteraan Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Zariat Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Kamariah Kamarudin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Syaidul Azam bin Kamarudin GS42769

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Arba'ie Sujud

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Kamariah Kamarudin

## SENARAI KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>LAMPIRAN</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii

### BAB

#### I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Kongres Kebudayaan Kebangsaan	2
1.1.2	Dasar Kebudayaan Kebangsaan	3
1.1.3	DBP Melestarikan Jati Diri Kebangsaan	3
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Kepentingan Kajian	8
1.5	Kaedah Kajian	8
1.5.1	Kaedah Kepustakaan	8
1.5.2	Kaedah Membaca Teliti ( <i>Close Reading</i> )	9
1.5.3	Kaedah Persampelan Bertujuan ( <i>Purposive Sampling</i> )	9
1.5.4	Kaedah Analisis Kandungan	9
1.6	Batasan Kajian	9
1.7	Definisi Konsep	10
1.7.1	“Jati Diri”	10
1.7.2	“Jati Diri Kebangsaan”	11
1.8	Definisi Operasional	12

#### 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Kajian Tentang Jati Diri	13
2.3	Kajian Tentang Peranan DBP	19
2.4	Rumusan	20

#### 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	21
3.2	Kaedah Kajian	21
3.3	Dasar Kebudayaan Kebangsaan : Satu Kerangka Analisis	22
3.3.1	Prinsip 1 DKK : Kebudayaan Kebangsaan Malaysia Hendaklah Berteraskan Kebudayaan Rakyat Asal Rantau Ini	23

3.3.2 Prinsip 2 DKK : Unsur Kebudayaan Lain yang Sesuai dan Wajar Boleh Diterima Menjadi Unsur Kebudayaan Kebangsaan	30
3.3.3 Prinsip 3 DKK : Islam Menjadi Unsur yang Penting dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan	33
3.4 Rumusan	37
<b>4 ANALISIS JATI DIRI KEBANGSAAN DALAM SAJAK-SAJAK TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA</b>	
4.1 Pengenalan	40
4.2 Pengenalpastian Jati Diri Kebangsaan dalam Sajak-sajak yang Dikaji.	40
4.3 Kebudayaan Kebangsaan Malaysia Hendaklah Berteraskan Kebudayaan Rakyat Asal Rantau Ini	43
4.3.1 Bahasa Melayu sebagai Jati Diri Kebangsaan	44
4.3.2 Kegiatan Kesenian Melayu sebagai Jati Diri Kebangsaan	57
4.4 Unsur-unsur Kebudayaan Kaum Lain yang Sesuai dan Wajar Boleh diterima Menjadi Unsur Kebudayaan Kebangsaan.	67
4.4.1 Kebudayaan Kaum Cina	67
4.4.2 Kebudayaan Etnik Sabah dan Sarawak	70
4.5 Islam Menjadi Unsur yang Penting dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan	76
4.5.1 Islam sebagai Eksklusif untuk Penganut Agama Islam	79
4.5.2 Kebebasan Beragama Penganut yang Lain	93
4.6 Rumusan Pelestarian Jati Diri Kebangsaan dalam Sajak Terbitan DBP	97
<b>5 RUMUSAN</b>	
5.1 Rumusan	99
5.2 Cadangan	102
<b>RUJUKAN</b>	103
<b>LAMPIRAN</b>	113
<b>BIODATA PELAJAR</b>	120
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	121

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Sajak Terbitan DBP Tahun 2010-2015	21
2	Sajak Terbitan DBP yang Dipilih	22



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1	Kerangka Konseptual DKK	23
2	Hubungan Antara Prinsip 2 DKK dengan Prinsip 1 dan Prinsip 3	30
3	Kerangka Kajian dan Aplikasi Kerangka Konseptual	39
4	Aspek Jati Diri Kebangsaan yang Dikaji dalam Prinsip 1	44
5	Aspek Jati Diri Kebangsaan yang Dikaji dalam Prinsip 2	67
6	Aspek Jati Diri Kebangsaan yang Dikaji dalam Prinsip 3	77

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
A	Senarai Kumpulan/Antologi Sajak sebagai Data Kajian	113
B	Senarai Sajak yang Terpilih Mengikut Tema	115
C	Pengesahan Sajak sebagai Bahan Kajian	119



## SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
JDK	Jati Diri Kebangsaan
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
r:	Rangkap
b:	Baris





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia terdiri daripada rakyat berbilang kaum dengan kepelbagaian latar budaya. Dalam konteks ini, jati diri kebangsaan (JDK) menjadi aspek penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan harmoni. Hal ini mendapat perhatian yang serius sejak awal negara ditubuhkan.

Bagi sebuah negara yang berdaulat, perlembagaan adalah sumber undang-undang tertinggi sesebuah negara dan setiap individu perlu mematuhi keluhurannya. Semasa merangka perlembagaan tersebut etnik Melayu dan bukan Melayu bersetuju atas beberapa perkara yang sangat penting kepada kestabilan negara yang merujuk kepada kontrak sosial. Melalui kontrak sosial ini orang bukan Melayu telah diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berasaskan prinsip *jus soli*. Manakala orang Melayu diperuntukkan dalam perlembagaan mengenai agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kedudukan raja-raja Melayu atau apa yang dipanggil sebagai unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan (Nazri Muslim, 2017:13). Tegasnya, keluhuran Perlembagaan negara menjadi citra JDK yang dihormati sebagaimana kepentingannya seperti yang dituntut dalam Rukun Negara melalui prinsip ketiga.

Jika dihibau kembali sejarah kedatangan masyarakat Cina ke Tanah Melayu, kaum Cina didapati tidak berhasrat untuk menetap di Tanah Melayu secara kekal. Menurut kajian Chow Fong Peng, majoriti orang cina yang datang pada peringkat awal merupakan golongan bawahan dan miskin, terdiri dari buruh kasar dan petani yang tidak berpendidikan tinggi. Pada waktu itu tafsiran mereka tentang Tanah Melayu sebagai tempat persinggahan sementara, menyebabkan mereka berpegang kuat kepada lambang yang penting untuk mengekalkan ciri kecinaan mereka terutamanya dari segi identiti kebudayaan (Lee Yok Fee, 2004:167). Oleh itu mereka menubuhkan persatuan sosial, seperti persatuan persaudaraan, persatuan dialek, persatuan mengikut tempat asal China, atau kongsi gelap untuk menyediakan asas yang kukuh untuk mengekalkan kebudayaan mereka (Yen Ching-Hwang, 2000:10). Seterusnya orang cina menubuhkan sekolah-sekolah dan memulakan percetakan surat khabar cina untuk mengembangkan kebudayaan mereka (Chow Fong Peng, 2012:134).

Sejajar dengan itu penaungan British ke atas negeri-negeri Melayu telah membawa imigran Cina dan India. British berusaha untuk menjadikan Melayu-Bumiputera-pribumi dan bukan Melayu sebagai Malayan melalui Malayan Union, tetapi ditolak oleh Melayu. British beri kemerdekaan dengan bersyarat, bekerjasama, antara Melayu dan bukan Melayu. Politik toleransi, tolak ansur, *consociational politics*, dan kontrak sosial Melayu bukan Melayu berlaku. Kewarganegaraan diberikan kepada bukan Melayu dengan syarat menerima beberapa peruntukan Perlembagaan yang menjaga kepentingan, hak, keistimewaan Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam (Zainal Abidin Borhan,

2017:42). Oleh itu, ideologi negara perlu dihormati oleh semua kaum. Lebih penting daripada itu, mempraktikkannya dalam amalan bermasyarakat supaya JDK terus terpelihara dalam bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Kesan terhadap pergolakan antara kaum antaranya dapat dilihat dalam peristiwa 13 Mei 1969. Pada 13 Mei 1969 telah berlaku rusuhan kaum di Malaysia. Peristiwa berdarah 13 Mei ini, menjadi episod hitam dalam sejarah negara dengan angka kematian dan kemusnahan harta benda. Peristiwa ini menunjukkan reaksi kemuncak pergolakan kaum yang telah berlaku di Malaysia. Kua Kia Soong (2008:10-11) melalui kajiannya menyatakan bahawa:

“Perangkaan rasmi menunjukkan bahawa semasa kekacauan sivil 13 Mei 1969, 196 dibunuh, 180 tercedera oleh senjata api dan 259 tercedera oleh senjata-senjata lain. Menurut laporan Majlis Gerakan Negara, seramai 9,143 orang telah ditangkap dan 5,561 daripada mereka telah dituduh di Mahkamah. Semasa rusuhan tersebut berlaku 6,000 orang kehilangan rumah mereka, sekurang-kurangnya 211 buah kenderaan rosak atau musnah sementara 753 buah bangunan rosak atau hangus akibat kebakaran.”

Kesannya, darurat telah diisytiharkan dan Parlimen digantung selama dua tahun serta pindaan terhadap perlembagaan yang mengehadkan kebebasan bersuara dan Akta Hasutan 1948 (Nazri Muslim 2017:24). Di Malaysia selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei, usaha-usaha merangka perpaduan nasional dan jati diri kebangsaan (JDK) ini dapat diamati dengan jelas. Umpamanya, kerajaan telah mewujudkan Rukun Negara dan melaksanakan dasar-dasar tertentu untuk menyatupadukan semua kaum.

Menurut Jeniri Amir, (2015: 8-13) seperti Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) digubal sebagai ekoran tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Semua dasar yang berkaitan dengan ekonomi, pendidikan, bahasa, dan budaya selepas itu menjadikan perpaduan dan kesepaduan sosial sebagai tunjang supaya akhirnya akan lahir bangsa Malaysia yang memiliki jati diri.

### **1.1.1 Kongres Kebudayaan Kebangsaan**

Dalam konteks yang sama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16-20 Ogos 1971 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kongres ini diadakan dengan tujuan untuk merangka penyelesaian dalam hal berkaitan masyarakat majmuk di Malaysia. Lebih penting lagi, untuk membina dan mengangkat jati diri kebangsaan dengan rasa muhibah dan kebersamaan. Kongres ini dianggap sebagai sejarah yang penting dalam membincangkan asas pembentukan kebudayaan kebangsaan di Malaysia. Kongres telah meliputi aspek perbincangan yang luas seperti seminar dasar, seminar kesusasteraan, seminar seni

muzik, seminar seni tari, seminar seni hias, seminar seni drama, seminar seni dalam perusahaan, seminar seni bina serta seminar seni pertukangan dan perusahaan.

### 1.1.2 Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971

Berdasarkan Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) tersebut, sebuah buku khusus telah diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada tahun 1973. Buku berjudul *Asas Kebudayaan Kebangsaan* ini memuatkan semua kertas kerja yang dibentangkan dalam kongres pada 16-20 Ogos 1971 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Berdasarkan rumusan-rumusan yang dicapai dalam kongres itu maka tiga konsep penting telah ditetapkan oleh kongres untuk menjadi asas kebudayaan kebangsaan, iaitu:

- i) Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.
- ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi kebudayaan kebangsaan.
- iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

*Sesuai dan wajar* disebut dalam konsep kedua itu haruslah diertikan dalam konteks konsep pertama dan ketiga itu, tidak dari nilai-nilai yang lain (*Asas Kebudayaan Kebangsaan*, 1973: vii)

Menurut pandangan Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid (2017:50) tujuan DKK yang digubal dalam tahun 1971 itu ialah untuk membentuk kesedaran kenegaraan di kalangan penduduk pelbagai kaum di Malaysia melalui penghayatan dan kesedaran budaya sebagai faktor pembentuk persefahaman antara kaum yang merupakan prasyarat penting bagi pembinaan negara bangsa yang terdiri daripada penduduk pelbagai kaum dan budaya. DKK untuk menjadikan budaya sebagai pembentuk jati diri (identiti) negara Malaysia dan tidak sebagai pemisah atau pembeza jati diri bangsa-bangsa atau kumpulan etnik yang terdapat di negara ini. Dalam beberapa aspeknya, DKK bercorak “supraetnik” atau “suprabangsa”. Terasnya ialah warisan budaya pribumi. Maksud “teras” ini tidak sempit maknanya, yakni tidak terbatas kepada budaya luaran atau budaya ritualistik semata-mata, tetapi lebih penting lagi, mencakupi maksud “teras” dari segi nilainya. Dari segi inilah DKK mengambil kira “unsur-unsur budaya bukan Bumiputera” yang nilainya sesuai dengan budaya setempat (2017:50).

### 1.1.3 DBP Melestarikan Jati Diri Kebangsaan

Sastera kebangsaan dilihat antara wadah pemupukan JDK pelbagai kaum di negara ini melalui peranan yang dimainkan oleh DBP. DBP ditubuhkan dengan tanggungjawab memenuhi hasrat negara untuk mempunyai bahasa yang dapat menjadi teras jati diri rakyat yang bermaruah. Bahasa Melayu sebagai jati diri dapat menjadi wadah perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Dengan tujuan tersebut, DBP menjalankan fungsinya berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 yang memperuntukkan kedudukan

dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa rasmi dan juga berdasarkan Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan, dan Akta DBP sendiri.

Tugas DBP secara khusus ialah membina dan memperkaya bahasa kebangsaan, memperkembangkan bakat sastra dalam masyarakat, mencetak dan menerbitkan bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan, seterusnya menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. Matlamat utamanya ialah mengembalikan maruah dan wibawa bahasa Melayu selaras dengan statusnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Matlamat DBP yang tercatat dalam Akta DBP (Semakan 1978, pindaan dan peluasan 1995) adalah seperti berikut:

1. Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.
2. Memperkembangkan bakat sastra dalam bahasa kebangsaan.
3. Mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan bentuk-bentuk kesusasteraan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain.
4. Membakukan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.
5. Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.
6. Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Peranan Bahasa Kebangsaan ini dilihat penting oleh kerajaan dalam membentuk bangsa Malaysia. Oleh itu, dalam usaha untuk memupuk perpaduan nasional dan jati diri kebangsaan melalui bahasa Melayu, Dasar Bahasa Kebangsaan telah menjadi antara elemen yang dititikberatkan. Chew Fong Peng (2000: 2) menyatakan bahawa:

“Dalam Dasar Bahasa Kebangsaan, kerajaan menggariskan rancangan mengalihbahasakan sekolah yang berbahasa pengantar bahasa Inggeris ke bahasa Melayu mulai tahun 1969 di sekolah rendah dan sampai ke peringkat universiti pada tahun 1982. Rakyat Malaysia secara keseluruhannya telah beransur-ansur menerima penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa komunikasi antara kaum.”

Sesuai dasar kerajaan akan menjadi sekadar buah fikir sahaja, sekiranya semua pihak tidak berusaha untuk menjadikannya kenyataan. Maka, badan-badan tertentu telah melakukan pelbagai usaha dalam rangka menjayakan Dasar Bahasa Kebangsaan ini.

Ternyata bahawa Dasar Bahasa Kebangsaan merupakan strategi dan pendekatan jangka panjang untuk memastikan rakyat negara ini mempunyai jati diri dan rasa cinta terhadap bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Asmah Haji Omar (2015: 176) menyatakan bahawa:

“Interpretasi yang dilakukan terhadap Dasar Bahasa Kebangsaan itu boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pembinaan bahasa dan pelaksanaan dasar bahasa. Kedua-dua jenis ini saling berkaitan, dan sudahpun dilakukan oleh pihak-pihak tertentu khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, institusi pengajian tinggi, pejabat kerajaan dan juga badan berkanun. Tiap-tiap satu daripada badan ini mempunyai idea sendiri dalam usaha menjayakan dasar bahasa. Walau bagaimanapun, idea-idea dan usaha-usaha mereka itu perlu selaras. Jika tidak, maka akan pincanglah dasar berkenaan dan usaha memartabatkan bahasa Melayu takkan ke mana. Dengan itu, maka diperlukan satu badan yang menyelaras semua usaha dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Di sinilah letaknya peranan dan tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka.”

Dengan hasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serta mendukung citra nasional, satu badan khas yang dapat memainkan peranan pembinaan dan pengembangan bahasa secara sistematik perlu ditubuhkan. Penubuhan "Balai Pustaka" pada 22 Jun 1956 dilihat antara langkah penting memajukan bahasa Melayu pada ketika itu. Balai Pustaka merupakan institusi pertama yang telah ditubuhkan dalam negara yang bertujuan membantu kerajaan melaksanakan pengisian bangsa yang akan merdeka. Dengan tujuan berteraskan bahasa iaitu, memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu, Balai Pustaka ditubuhkan sebagai sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di Johor Bahru, Johor. Melalui kegiatan penulisan dan persuratan yang meluas kelak, penubuhan Balai Pustaka ini akan berupaya mengukuhkan jati diri kebangsaan yang rapuh ekoran dari negara selepas dijajah. Jelasnya, penubuhan Balai Pustaka ini menjadi keutamaan penting kerajaan kerana ia telah ditubuhkan terlebih awal berbanding badan kerajaan yang lain.

Setelah Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang berlangsung di Singapura dan Johor Bahru pada 16 - 21 September 1956, Balai Pustaka dinamakan sebagai "Dewan Bahasa dan Pustaka" (DBP) atas cadangan kongres tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, tujuan asal DBP ditubuhkan adalah seperti berikut:

- i). DBP hendaklah menjadi pusat bagi menjaga hal-ihwal dan perkembangan bahasa dan persuratan Melayu supaya tidak menchachatkan asal usul bahasa Melayu serta menjadi pendorong kepada perkembangan kebudayaan rakyat Tanah Melayu kelak.
- ii). DBP hendaklah menyiasat, membongkar dan mengumpulkan semula serta menghalusi hasil2 kesusasteraan Melayu semenjak zaman purba. (ejaan lama dikekalkan)



Menurut Asmah Haji Omar (2015:178-182) benih idea yang membawa penubuhan DBP sudah muncul lebih awal iaitu dalam Kongres Pertama Persuratan Melayu yang diadakan di Hotel Sea View, Singapura pada 12-13 April 1952. Idea ini terus dibangkitkan dan dibincangkan dalam Kongres Persuratan Melayu Malaya Kedua yang diadakan pada 1-2 Januari 1954 di Dewan Sekolah King George V, Seremban. Seterusnya, pada bulan Jun 1956 Menteri Pelajaran, (Dato' Abdul Razak bin Hussein (kemudian Perdana Menteri kedua) mengumumkan penubuhan Balai Pustaka dan Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid dilantik sebagai pengarah. Tiga bulan selepas Balai Pustaka ditubuhkan, Kongres Persuratan Melayu Ketiga diadakan. Resolusi penting yang dicapai dalam kongres ketiga ini antaranya, menukarkan nama Balai Pustaka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Di sini tujuan, fungsi dan taraf DBP dibentangkan dengan lebih jelas.

Dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Ketiga, bahasa Melayu turut dicadangkan menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Seterusnya, melalui ordinan DBP 1959, DBP bertukar taraf menjadi badan berkanun. DBP juga diberi autonomi untuk menggubal dasar-dasarnya yang khusus, menyusun program pembinaan dan perkembangan bahasa dan sastera serta menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku.

Dalam konteks ini DKK dilihat menjadi pemangkin perkembangan sastera kebangsaan yang antaranya tercermin melalui kemunculan penulis pelbagai kaum di Malaysia melalui pencapaian yang membanggakan. Hal ini diamati oleh Hashim Ismail (2017:10-11) yang menjelaskan bahawa dari segi perkembangan sastera, DKK membantu sastera berkembang dengan dinamik. Penglibatan pelbagai kaum dalam penulisan sastera kreatif dapat dilihat dengan kemunculan beberapa nama besar seperti Lim Swee Tin, Uthaya Sankar, Seroja Theavy, Jong Chian Lai, Jaya Ramba, Azli Lee Abdullah, Lee Leok Chih, Krishnam Maniam, Goh Then Chye, dan Goh Hin San. Mereka menulis dalam bahasa kebangsaan dan setanding dengan penulis Malaysia yang lain, malahan Lim Swee Tin dan Jong Chian Lai telah memperoleh anugerah S.E.A Write Award. Penulisan mereka mendapat sorotan meluas para sarjana tempatan dan hal ini membantu perkembangan sastera kebangsaan di peringkat antarabangsa. Sastera kebangsaan secara langsung telah membangkitkan semangat patriotisme semua kaum di negara ini. Penulisan dalam bahasa kebangsaan dan diceburi oleh penulis daripada pelbagai latar belakang telah sedia kukuh sejak zaman-berzaman. Oleh sebab itu, tidak timbul lagi persoalan penulisan sastera kebangsaan yang beridentitikan satu-satu kaum.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Jati Diri Kebangsaan (JDK) adalah teras kepada pembinaan negara bangsa khususnya bagi rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan berlainan latar budaya seperti di Malaysia. Oleh sebab itu, pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap JDK menjadi tonggak penting negara.

Oleh hal yang demikian sebagai bangsa Malaysia, menjadi tanggungjawab semua kaum memperkasakan sastera kebangsaan sebagai wadah pemupukan JDK. Menurut Mohd Taib Osman (1971) dan Ismail Husein (1971) sastera kebangsaan ialah sastera yang

ditulis dalam bahasa Melayu yang menceritakan tentang latar belakang Malaysia; hanya sastera Melayu dapat memberi kesedaran kebersamaan rakyat Malaysia pada peringkat kenegaraan dan perpaduan sosiobudaya, mengatasi sub budaya pada peringkat rendah. Selain itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) turut dibentuk pada tahun 1971 untuk menangani hal yang sama iaitu untuk membina perpaduan dan JDK antara kaum yang terpecah akibat peristiwa 13 Mei 1969.

Berdasarkan sorotan terhadap korpus kajian tentang JDK terdapat beberapa artikel ilmiah yang membincangkan JDK dalam konteks di Malaysia. Antaranya tulisan oleh Abdullah Hassan (2009) berjudul “Bahasa Melayu di Persimpangan Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi”, Juriah Long dan Zaini Mahbar (2012) berjudul “Kedwibahasaan dalam Sistem Pendidikan dan Kaitannya dengan Jati Diri Kebangsaan” dan artikel ilmiah oleh Teo Kok Seong (2012) berjudul “Pembinaan Bahasa dan Pembinaan Jati Diri Kebangsaan (Nasional)”. Artikel-artikel ini didapati lebih tertumpu kepada bahasa Melayu sebagai aspek JDK yang dipentingkan dalam pembinaan negara bangsa Malaysia. Di samping itu dua tulisan oleh Zalila Sharif dan Zulkepky Mohamad (2010) berjudul “Sumbangan DBP kepada Perkembangan Kesusasteraan Melayu 1970-1979” dan “Sumbangan DBP kepada Perkembangan Kesusasteraan Melayu 1981-1989” lebih tertumpu kepada peranan DBP dalam kegiatan pengembangan sastera pada periode tersebut. Namun kajian dan tulisan tentang JDK dalam sajak ternyata masih belum komprehensif. Hal ini mewajarkan lebih banyak kajian tentang JDK dilakukan. Oleh itu kajian ini bertujuan mengisi kelompongan untuk mengenal pasti JDK dalam sajak-sajak terbitan DBP.

Selanjutnya, Syarahan Inaugural oleh Abdul Latif Bakar (2004) berjudul “Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia” mengundang perhatian lanjut terhadap kajian ini. Walau bagaimanapun, penelitian syarahan ini lebih tertumpu kepada fungsi komunikasi puisi Melayu yang melibatkan pelbagai genre puisi yang luas. Iaitu merangkumi syair, nazam, berzanji, bongai, teromba, pantun, dikir barat, mentera, zikir, gurindam, lagu rakyat dan sajak. Seterusnya, kajian oleh Nor Suhaili Saharudin (2013) menjelaskan bahawa penulis sajak negeri Sarawak antaranya Abizai, Adi Badiozaman Tuah, Saice Driss, Hipani Alwi, Latifah Mohd Sabli dan Rosani Hiplee menyetengahkan unsur patriotisme dalam mengingatkan generasi muda untuk terus mencintai tanah air. Unsur-unsur tersebut ialah perasaan cinta dan berbakti kepada tanah air, rasa kagum terhadap adat resam dan tradisi, rasa bangga akan sejarah, sanggup berkorban dan anti penjajahan. Kajian ini telah mengaplikasikan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (Kerohanian, Kebitaran, Kesaintifikan dan Kekreatifan) (SPB4K) janaan Mohd Yusof Hasan. Selain itu, kajian oleh Syaidul Azam Kamarudin (2011) menjelaskan bahawa sajak A. Aziz Deraman menonjolkan jati diri Melayu yang dapat berperanan sebagai pengiktibaran, membawa kemanfaatan dan menemukan kemufakatan kepada masyarakat. Kajian menggunakan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Kajian-kajian ini memperlihatkan sajak dapat membantu pemupukan jati diri dengan lebih dinamik. Namun, dalam kajian yang dinyatakan di atas, masih belum terdapat pengkaji yang menganalisis JDK dalam sajak dengan menggunakan DKK sebagai kerangka kajian. Oleh itu, hal ini telah membuka ruang kepada pengkaji untuk menjawab persoalan objektif kedua kajian ini.

Tulisan oleh Hashim Ismail (2017) berjudul “Kebudayaan Kebangsaan Dicabar” dan tulisan oleh Lim Swee Tin (2009) berjudul “Menelusuri Sumbangan Penyair Bukan Melayu di Persisiran Alaf ke-21: Satu Sorotan Awal” secara umumnya menunjukkan upaya sastera kebangsaan memupuk semangat JDK dalam kalangan penduduk di Malaysia yang melibatkan penulis bukan Melayu. Pengamatan juga mendapati bahawa penulis sajak bukan Melayu telah memberi sumbangan yang besar dalam kesusasteraan nasional. Namun pengamatan adalah terbatas kepada penulis sajak bukan Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian JDK dalam sajak terbitan DBP yang melibatkan penulis Malaysia wajar diusahakan bagi menjawab objektif ketiga kajian ini.

Maka, kajian ini wajar dilakukan untuk meneliti JDK dalam penulisan sajak. Oleh hal yang demikian, kajian ini memilih untuk mengkajinya melalui sajak-sajak yang diterbitkan oleh DBP. Kajian ini memperlihatkan sajak sebagai wadah pemupukan JDK di negara ini. Selanjutnya kajian ini memperlihatkan bahawa DBP melalui penerbitan sajak telah melaksanakan peranannya sebagai satu badan autoriti melestarikan JDK dalam konteks penerbitan sajak.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

- i) Mengetahui jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak yang dikaji.
- ii) Menganalisis jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak terbitan DBP.
- iii) Merumuskan pelestarian jati diri kebangsaan dalam sajak-sajak terbitan DBP yang dikaji.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini seterusnya memberi kepentingan kepada pengkaji, pengkritik, sarjana dan khalayak sastera. Dengan pemahaman JDK dapat merangsang psikologi dan sikap masyarakat tentang kepentingan mempunyai jati diri yang mantap sekali gus dapat menjelaskan falsafah dan peranan DBP. Melalui hasil kajian ini pengkaji melihat bahawa khalayak akan dapat melihat sama ada DBP telahpun berjaya ataupun tidak memainkan peranannya dalam melestarikan JDK dalam sajak-sajak terbitannya.

### **1.5 Kaedah Kajian**

#### **1.5.1 Kaedah Kepustakaan**

Maklumat atau bahan yang diperlukan untuk kajian ini didapati menerusi kaedah kepustakaan. Pengkaji menggunakan buku, jurnal, laporan tahunan DBP, majalah *Dewan Sastera*, kertas kerja, penulisan ilmiah dan tesis master serta Ph.D. Bahan-bahan tersebut diperoleh dari Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Pusat



### **1.5.2 Kaedah Membaca Teliti (*Close Reading*)**

Kaedah pembacaan secara *close reading* telah dilakukan dalam proses penyaringan ini. Taringan (1991:30) mengemukakan tiga teknik untuk membaca dengan berkesan antaranya *close reading* atau membaca teliti. Membaca teliti (*close reading*) adalah satu kaedah yang dapat digunakan untuk memperoleh pemahaman sepenuhnya ke atas satu bahan bacaan dengan tujuan antaranya untuk memahami idea pengarang serta memahami konsep-konsep yang khas. Proses membaca teliti ini dilakukan dengan menanda bahagian-bahagian yang penting dan relevan dengan kajian. Melalui kaedah ini pembaca berusaha untuk memahami kandungan teks seterusnya menghubungkan idea sampingan dengan idea utama.

### **1.5.3 Kaedah Persampelan Bertujuan (*purposive sampling*)**

Selanjutnya pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Chua Yan Piaw (226:2011) persampelan bertujuan ini merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu dipilih sebagai responden.

### **1.5.4 Kaedah Analisis Kandungan**

Bagi mendapatkan kerangka kajian yang jelas, satu kerangka akan dibina secara eklektik iaitu gabungan daripada pengamatan dan pandangan tokoh-tokoh terpilih tentang DKK. Gabungan idea-idea ini seterusnya akan menjadi asas untuk tujuan analisis JDK dalam sajak-sajak terbitan DBP. Prinsip-prinsipnya akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab tiga (3).

## **1.6 Batasan Kajian**

Sajak-sajak yang akan digunakan dalam kajian ini ialah sajak-sajak terbitan DBP yang mengutarakan JDK. Sajak yang dipilih ialah sajak-sajak dari tahun 2010 hingga tahun 2015 yang merangkumi kumpulan sajak perseorangan dan antologi sajak bersama.

Pemilihan bahan ini disebabkan oleh tempoh tersebut merupakan tahun-tahun yang mencabar bagi DBP. Laporan Tahunan DBP tahun 2011 menyatakan bahawa sasaran penerbitan buku dan majalah tidak tercapai pada tahun 2011. Kesan yang lebih besar adalah terhadap penyebaran ilmu dalam bahasa Melayu kerana buku-buku dan majalah DBP sukar diperolehi atau tiada dalam pasaran (Md. Salleh Yaapar, 2011: 27). Laporan Tahunan 2012 menjelaskan bahawa kelewatan penerbitan buku dan majalah terbitan DBP masih menjadi isu hangat berpunca daripada kegagalan syarikat pemegang konsesi penswastaaan DBP melaksanakan kerja mengikut perjanjian (Md. Salleh Yaapar, 2012: 25). Laporan Tahunan DBP tahun 2014 menjelaskan bahawa kerajaan Malaysia memutuskan agar DBP mengambil alih fungsi komersial yang diswastakan dan

melaksanakannya secara penyumberan luar. Keputusan ini dibuat oleh kerajaan atas kepentingan nasional dan bagi memastikan tiada kendala dalam pelaksanaan fungsi-fungsi DBP sebagaimana yang termaktub dalam akta DBP (Md. Salleh Yaapar, 2014: 27).

## **1.7 Definisi Konsep**

Perbincangan seterusnya akan membincangkan istilah penting yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu “Jati Diri Kebangsaan”.

### **1.7.1 “Jati Diri ”**

Jati diri secara umumnya merangkumi sifat unik dan istimewa yang menjadi amalan sehingga kekal dalam diri sesuatu bangsa. Hal ini sebagaimana ditegaskan oleh Abdul Latiff Abu Bakar (2004:14) yang mendefinisikan jati diri sebagai kekuatan dalaman, ketekalan, ketabahan dan segala yang membawa maksud teguh yang berpasak kukuh dalam diri sehingga tidak boleh diganggu gugat.

John Locke (dalam Abdullah Hassan, 2009) menyatakan bahawa kesamaan seseorang individu terkandung dalam kesamaan inti pati mindanya. Inti pati minda yang dibawa semenjak kecil sehingga besar ini tidak akan berubah. Perkara ini merupakan kesinambungan memori diri. Kesinambungan memori diri yang tidak berubah inilah sebenarnya menjadi inti pati kepada jati diri.

Kajian oleh Juriah Long (2012) menjelaskan bahawa konsep jati diri wujud dalam diri seseorang pada dua peringkat iaitu pada peringkat individu serta kelompok sosial yang dianggotainya. Pada peringkat individu jati diri adalah sifat, ciri dan fikrah yang ada pada seseorang individu yang membezakannya dengan individu yang lain. Namun, jati diri seseorang individu tidak terhasil daripada komponen psikologi sahaja tetapi ia juga terhasil melalui proses sosialisasi individu tersebut dalam masyarakat yang dianggotainya. Justeru, jati diri atau identiti diri seseorang individu merangkumi sifat dan ciri individu serta ciri sosiobudaya (Edwards 2003; Ta rbouret-Keller, 1997).

Menurut Rosman Md Yusof (2008) Jati diri adalah proses bagaimana seseorang itu membuat pertimbangan berasaskan kepada nilai, budaya dan agama yang dijelmakan dalam pemikiran, tindakan dan emosi mereka. Sebagai satu proses yang berterusan, jati diri bersifat dinamik yang membolehkannya berkembang sesuai dengan keperluan semasa dan masa depan yang pada dasarnya dipengaruhi oleh faktor budaya, agama dan nilai.

Oleh itu, Abdullah Hassan (2009) telah merumuskan ciri-ciri yang membentuk jati diri sesuatu bangsa. Beliau telah mengupas definisi jati diri individu dan bangsa menggunakan kamus falsafah dan rujukan silang kepada beberapa definisi daripada ahli sosiologi, sejarah dan sains politik. Berdasarkan kupasan tersebut dirumuskan bahawa

terdapat lima ciri yang membentuk jati diri bangsa, yakni bahasa, kebudayaan, agama, leluhur dan tempat tinggal yang sama.

..

### 1.7.2 “Jati Diri Kebangsaan”

Perbincangan seterusnya akan membincangkan konsep “Jati Diri Kebangsaan” yang akan digunakan dalam kajian ini. JDK berkait rapat dengan Nasion (*nation*) yakni konsep teras kepada ideologi nasionalisme. Kajian oleh Teo Kok Seong (200:2012) menjelaskan bahawa Nasion (*nation*), merujuk kepada satu populasi yakni sekelompok manusia yang secara unggulnya (i) terdiri daripada satu kumpulan etnik yang memiliki salasilah dan sejarah yang sama, (ii) kini mengamalkan satu budaya yang dimiliki bersama (termasuklah bertutur dalam satu bahasa), (iii) berada dalam satu wilayah yang jelas sempadannya, (iv) kebajikan mereka diuruskan oleh satu pentadbiran pusat/wilayah, dan (v) menikmati manfaat sebagai rakyat. Selain semua ini, satu kualiti penting tentang nasion ialah kelompok manusia ini wajib memiliki perasaan sayang serta taat terhadap kelompok manusia yang mereka anggotai itu (Simpson, 2007).

Oleh itu, tugas bagi merangsang kesedaran untuk bersatu dalam kalangan rakyat dalam sesebuah negara yang berdaulat, dan untuk menggalakkan perasaan kekitaan serta kesetiaan terhadap negara yang merupakan tanah air/ibu pertiwi, bukan sahaja dilakukan dengan memberi perhatian kepada usaha pembinaan jati diri nasional, tetapi yang lebih penting lagi ialah ia ikut memberi perhatian kepada usaha pemupukan keinsafan dalam kalangan rakyat, tentang peri pentingnya pembentukan satu populasi yang memiliki pelbagai ciri nasional yang dikongsi bersama, selain daripada membentuk satu arah tuju yang dimiliki bersama (Birch, 1989).

Terbentuknya jati diri kebangsaan (JDK) dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum penting dalam membina negara bangsa yang stabil dan maju. Oleh itu, JDK merupakan semangat yang muncul daripada perasaan setia kepada negara dengan mendukung aspirasinya secara tidak berbelah bagi. Hal ini sejajar dengan pandangan Ahmad Mahmood Musanif (2008) bahawa kekuatan jati diri bangsa dan semangat patriotik yang utuh sebenarnya menjadi teras pembinaan negara. Dalam konteks ini Amat Johari Moain, (2017:101) berpendapat bahawa apa sahaja yang bersifat kebangsaan di Malaysia ini mestilah berasaskan kebudayaan Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam. Namun demikian, unsur-unsur kebudayaan daripada kaum lain boleh dimasukkan dan diserap dalam kebudayaan kebangsaan melalui proses penyerapan yang sesuai dan diterima oleh masyarakat.

Sehubungan dengan itu, istilah “jati diri kebangsaan” yang akan digunakan sepanjang kajian ini adalah meliputi prinsip-prinsip berikut:

- i) Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.
- ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

- iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Perincian prinsip-prinsip ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab tiga (3) tesis ini.

### **1.8 Definisi Operasional**

Sajak-sajak yang dikaji merujuk kepada sajak-sajak terbitan DBP dari tahun 2010 hingga 2015 merangkumi kumpulan sajak perseorangan dan antologi sajak bersama. Sajak-sajak tersebut akan dianalisis dengan menggunakan prinsip-prinsip DKK sebagai kerangka konseptual. Gabungan idea-idea daripada tokoh dan sarjana akan dibincangkan bagi mewakili pemikiran jati diri kebangsaan dalam konteks di Malaysia. Berdasarkan kerangka konseptual, JDK yang dikemukakan dalam kajian ini merujuk kepada prinsip yakni Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan dan agama Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu. Berdasarkan prinsip-prinsip yang dikongsi bersama ini, maka terbentuknya satu sifat kebersamaan seterusnya, mewujudkan jati diri kebangsaan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Perincian tentang kerangka konseptual ini akan dibincangkan dalam bab tiga (3) tesis ini.

## RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. *Intelektualisme Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- A. Aziz Deraman. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- A. Aziz Deraman. *Suara Gunung Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- A. Aziz Deraman. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- A. Rahmad. *Puisi Al-Iman Atas Nama Cinta Ilahi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- A. Wahab Hamzah. *Globalisasi dan Cabaran Budaya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2015.
- Abd. Manaf Haji Ahmad. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor, 2009.
- Abdul Aziz Bari. *Perlembagaan Malaysia Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Abdul Hadi Yusoff. *Carilah Cari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Abdul Latif bin Abu Bakar. "Menghayati Fungsi Komunikasi Puisi Melayu dalam Pembinaan Jati Diri Warga Malaysia", *Syarahan Perdana* sempena pengiktirafan Jawatan Profesor, Universiti Malaya, 4 Oktober 2004
- Abdul Latiff Abu Bakar dan Mohd Yusof Hasan. *Memartabatkan Kesusasteraan Melayu dalam Peradaban Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.
- Abdul Latiff Abu Bakar, Othman Puteh. *Globalisme dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Abdul Latiff Bakar dan Wan Zaida Hj. Wan Yussof. *Ismail Hussein Bersama GAPENA Biografi dan Koleksi*. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia, 2005.
- Abdul Latiff Bakar. *Patriotisme dan Nasionalisme Persuratan Melayu dalam Peradaban Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.

- Abdul Rahman Ibrahim. *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Abdulhadi Mohamad. *Atar Seribu Bunga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Abdullah Hassan. "Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi". *The Asian Journal of Humanities*, jilid 16, 2009. Hlm. 59-81.
- Abizai. *Sinar Benar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Abu Bakar Hamid. *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Peranan DBP*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia, 1986.
- Ahmad Razali Yusof. *Di Negara Bayang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Ali bin Haji Ahmad, Hussein Onn. *Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia, 1976.
- Ami Masra. *Telaga Akliah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Amran Saidin. *Hikayat Kecil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Anis Sabirin. *Spektrum/ Spectrum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Anjanglie. *Retak di Jalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Anwar Din. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Anwar Ridhwan. (pnyt). *Di Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Malaysia 1957-1972*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.
- Anwar Ridhwan. *Jati Diri Pasca Asas 50*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd., 2006.
- Asmad. *Siri Bunga Rampai Kebudayaan Malaysia, Kebudayaan Secara Umum*. Kuala Lumpur: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd., 1990.



- Asmah Haji Omar. *Dasar Bahasa Kebangsaan, Sejarah Memartabatkan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Awang Sariyan. *Mencari Makna Diri Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 2009.
- Awang Sariyan. *Mencari Makna Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Awang Sariyan. *Teras Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Akademia, 2014.
- Azmi Yusof. *Seriosa Sukma*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Baha Zain. *Jalan Desa ke Kota*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Baha Zain. *Kau Akan Dewasa Siang Tak Pernah Mungkir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Baha Zain. *Memartabatkan Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Baha Zain. *Menangguhkan Kebenaran dan Sajak-sajak lain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Baha Zain. *Monolog Kecil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Chew Fong Peng. *Budaya dan Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia*. Kuala Lumpur. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2008.
- Chu E Liang. *Mencari Siang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2011.
- Darma Mohamad. *Ufuk Fikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Tonggak Bahasa Melayu ke Pentas Dunia Bahasa Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Hashim Awang. *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Petaling Jaya : Penerbitan Fajar Bakti, 1984.
- Hashim Haji Musa. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang : Penerbit UPM, 2008.

- Hashim Ismail. "Sastera Kebangsaan Dicabar". *Dewan Sastera*, November 2017. Hlm. 8-14.
- Hashim Ismail. *Kebudayaan Kebangsaan Dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.
- Hilmi Rindu. *Bagai Ada Sesuatu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Ismail Adnan dan Rafie Abd Rahim (peny.). *Jati Diri Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Johor Bahru : Yayasan Warisan Johor, 2008.
- Jais Sahok. *Aku Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Jamaludin D. *Di Padang Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Jamaludin D. *Jendela Langit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Jamaludin D. *Kelambu Kalbu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun Ke-25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia. *Adat Resam Penduduk Sarawak*. DBP Cawangan Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak, 1988.
- Jemat Gani. *Sekuntum Cinta Seharum Mesra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Jeniri Amir. "Kebudayaan Kebangsaan Tunjang Negara Bangsa". *Dewan Budaya*, Julai 2015. Hlm. 8-13.
- John Chong Kuan Yee. *Lagu Antara Pohon Cemara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Jonathan Singki Lintan. "Pua Kumbu". *Peribumi*. Oktober 2014. Hlm. 39.
- Juriah Long. "Kedwibahasaan dalam Sistem Pendidikan dan Kaitannya dengan Jati Diri Kebangsaan". *Jurnal Linguistik* 16. 2012.Hlm.1-23.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- KEMALA. *Sumsum Bulan Rawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.



- KEMALA. *Kumpulan Puisi Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1973.
- Kua Kia Soong. *13 Mei, Dokumen –dokumen Deklasifikasi Tentang Rusuhan 1969 Malaysia*. Kuala Lumpur : Polar Vista Sdn. Bhd., 2008.
- Leo A.W.S. *Gelombang Cengkerama dan Tsunami*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Leo AWS. *Di Tepi Sungai Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Lim Swee Tin. *Pemikiran Kesusasteraan: Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2009.
- Lutfi Abas. “Pembayang Pantun dan Huraian Alam dalam Cereka Satu Teori Keindahan Melayu”. *Dewan Sastera* Januari 1986. Hlm. 45 – 47.
- Marzuki Ali. *Dongeng Patalawati*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Marzuki Ali. *Kasmaran Cinta dan Sepotong Roti Bakar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Marzuki Ali. *Pesan Bonda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Marzuki Ali. *Rahang Lahar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Mashitah Taharin. “Memperkasakan Bahasa Kebangsaan”, *Berita Harian*. 20 Mac 2006.
- Mashitah Taharin. “Peranan Sekolah dalam Pemerksaan Bahasa Kebangsaan”. *Berita Harian*. 17 April 2006.
- Mazlan Noor. *Dan Kembara kuteruskan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Md. Salleh Yaapar. *Ziarah Ke Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Mohamed Mustafa Ishak. *Politik Bangsa Malaysia Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2014.

- Mohd Ayop Abd Razid. *Islam dan Kebangsaan (Nasionalisme): Wujudkah Pertalian Antara Keduanya*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, 2010.
- Mohd Noor Md. Zam. *Cinta Pun Malu Bertanya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Mohd. Fadzil Yusoff. *Sinar Duha*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Muhammad Haji Salleh. *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Muhammad Zainiy Uthman. *Bunga Rampai Bangsa, Kebangsaan dan Patriotisme*. Kuala Lumpur: Casis UTM-KL, 2015.
- Muhd. Yusof Ibrahim, Mahayudin Haji Yahya. *Sejarawan dan Pensejarahan, Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Muhd. Yusof Ibrahim, Mahayudin Haji Yahya. *Sejarawan dan Pensejarahan Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Nahmar Jamil. *Mengetuk Pintu Langit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Nassury Ibrahim. *Gelodak Rasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Nazri Muslim. *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017.
- Nazrin Muizzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbudin Shah. *Titah Diraja : Maju Bahasa Majulah Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.
- Nor Suhaili Saharudin. “Unsur Patriotisme dalam Kumpulan Puisi Pilihan Penyair Sarawak, Malaysia “. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, 2013.
- Norfarhan Hamzah. *Tasbih Rindu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Norliza Rofli, Eddin Khoo. *Kebudayaan Malaysia Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2009.
- Osman Ayob dan para penulis. *Meniti Dekad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

- Peter Augustine Goh. *Genta Cinta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Poul Nanggang. *Permata Kalbu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Ramlah Adam. Pendaulatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ilmu di Malaysia: Sejarah dan Kedudukan Masa Kini. Symposium of International Language & Knowledge 2014, Universiti Malaysia Perlis : 1-25
- Rasiah Halil. *Nyanyian. Si Anak Dagang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Rejab FI. *Menganyam Impian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Rosani Hiplee. *Cinta Perempuan Cantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Sabar Bohari. *Hujan Emas di Negeriku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Safian Hussain, (penyusun). *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Samsina Abdul Rahman.. “Pengkaedahan Melayu: Konsep dan Aplikasi dalam Genre Puisi”. *Pangsura* Jan - Jun 2006. Hlm.143 –174.
- Shamsuddin Jaafar. *Sastera dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Shamsudin Othman. *Taman Insaniah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Shamsul Amri Baharuddin. *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Shapiai Mohd Ramly. *Kelarai Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Shemala Devi A/p Doraisamy. “Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Pemahaman Jati Diri Pelajar Tingkatan Empat Daerah Kluang”. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia, 2011.
- Siddiq Fadzil. *Islam dan Melayu Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Kajang Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, 2012.

- Siddiq Fadzil. *Pembinaan Bangsa Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan*. Shah Alam. Institut Darul Ehsan, 2016.
- Siti Marina Kamil. "Tudung Keringkam: Legasi Etnik Melayu Sarawak". *Peribumi*, Oktober 2014.
- Solihin Osman. *Gelombang Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Suhaimi Haji Muhamad. *Apabila Langit Condong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Suhaimi Haji Muhammad. *Bunga-Bunga Suci*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Suhaimi Haji Muhammad.. *Denyutkan Jantung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Syaidul Azam Kamarudin. "Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Pilihan A. Aziz Deraman". Tesis Sarjana: Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Syed Husin Ali. *Hubungan Etnik di Malaysia Harmoni dan Konflik*. Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre, 2015.
- Syed Husin Ali. *Sejarah Rakyat (Khususnya Perkembangan Nasionalisme) Malaysia*. Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre, 2017.
- Syed Muhammad Naguib Al- Attas. "Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu" *Syarahan Perdana* sempena pengiktirafan Jawatan Profesor, Universiti Kebangsaan Malaysia. 24 Januari 1972.
- Tarbouret-Keller, A. *Language and identity*. dlm Coulmas, F. (ed). *The handbook of sociolinguistics*. Oxford: Blackwill Publisher, 1997.
- Edwards, J. . *Bilingual education: Basic principles*; dlm Dewaste, J.M., Housen, A. & Li Wei. *Bilingualism: Beyond basic principles*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd, 2003.
- Teo Kok Seong. "Bahasa Melayu dan Komunikasi dalam Dunia Globalisasi: Persoalan Keupayaan Bahasa Melayu, Keutuhan Jati Diri Bangsa Melayu dan Ketakatan Budaya Melayu": *Jurnal Bahasa* Jld 9, 2009. Hlm. 100-117.
- Teo Kok Seong. "Kerancuan dalam Bahasa Melayu". *Jurnal Bahasa* 6:4, 2006. Hlm. 697-712.
- Teo Kok Seong. "Penghayatan Bahasa dan Pembinaan Jati Diri Kebangsaan (Nasional)" dlm. Abdul Latiff Abu Bakar (penyelenggara), *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.

- Tun Mohd. Salleh Abas. *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Wan Abdul Kadir Yusoff, Zainal Abidin Borhan. *Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1985.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, Tatiana A. Denisova, Khalif Muammar A.Harris. *Patriotisme dan Ketatanegaraan*. Kuala Lumpur: Casis UTM-KL, 2015.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Zaid Ahmad.. *Kesenian dan Kebudayaan dalam Penyuburan Integrasi Nasional*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2016
- Zaini Ozea. *Terkunci dan Terbelunggu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Zalila Sharif dan Zolkeply Mohamad. “Sumbangan DBP kepada Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden (1981-1989)” *dlm. Hashim Ismail, Kesusasteraan Melayu Moden 1980-1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Zalila Sharif dan Zolkeply Mohamad. “Sumbangan DBP kepada Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden (1970-1979)” *dlm. Siti Aisah Murad (penyusun), Kesusasteraan Melayu Moden 1970-1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010.
- Zamli Toti, Ruslin Amir dan Saemah Rahman. Pembinaan Instrumen Jati Diri Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. *Proceeding of the Social Science Research ICSSR*, Kota Kinabalu, 2014. Hlm. 664-672.
- Zurinah Hassan. “Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Universiti Malaya, 2008.

### **Laporan Tahunan**

Laporan Tahunan DBP. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Laporan Tahunan DBP. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.

Laporan Tahunan DBP. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.

Laporan Tahunan DBP. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

Laporan Tahunan DBP. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.

Laporan Tahunan DBP. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

### **Perisian Program Komputer dan Cakera Padat:**

Sheikh Mahmud Khalil Al Khusairi. Digital Furqan. Perisian Mawar  
2003-2004.

## BIODATA PELAJAR

Syaidul Azam bin Kamarudin berasal dari Parit, Perak Darul Ridzuan. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Parit (SKP) kemudian di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Shah (SMSMS), Parit, Perak untuk peringkat menengah dan seterusnya di Sekolah Menengah Iskandar Shah (SMIS), Parit, Perak. Selepas itu memperoleh ijazah dalam bidang linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. Seterusnya memperoleh Sarjana Kesusasteraan Melayu (Tajaan Dewan Bahasa dan Pustaka, DBP). Pada tahun 2014 mendapat tajaan DBP untuk mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah di Universiti Putra Malaysia. Syaidul Azam bin Kamarudin berkhidmat sebagai guru sebelum bertugas sebagai Pegawai Perancang Bahasa di DBP. Memulakan tugas di DBP Kuala Lumpur, kemudian di DBP Wilayah Timur (DBPWT), Kelantan, seterusnya bertugas di DBP Wilayah Selatan (DBPWS), Johor dan kini bertugas di DBP Cawangan Sarawak (DBPSAR) sebagai Timbalan Pengarah Pengembangan Bahasa dan Sastera. Mantan peserta Minggu Penulis Remaja (MPR) ini menulis puisi, cerpen dan esei. Karya kreatif tersiar di *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Dewan Sastera*, *Pelita Bahasa*, *Dewan Bahasa*, *Tunas Cipta*, *Wanita*, *Berita Perak*, *Jendela Timur*, *Jendela Selatan* dan *CAP*. Sajaknya “Waktu Emas” memenangi tempat pertama pertandingan menulis puisi kualiti anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Cerpennya “Tiga Jalur Kasih” memenangi hadiah penghargaan dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) pada tahun 2009 kategori cerpen remaja dan telah diterbitkan dalam antologi cerpen berjudul *Batu-Batu di Jalanan*. Karya ilmiah tersiar di *Dewan Sastera*, jurnal *Malay Literature*, jurnal *Yayasan Pelajaran Johor* dan *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Terlibat membentangkan kertas kerja seminar peringkat kebangsaan dan terpilih mewakili Malaysia mengikuti Program Penulisan MASTERA, Majlis Sastera Antarabangsa (Puisi) di Anyer, Banten Indonesia pada tahun 2012.



## SENARAI PENERBITAN

- Syaidul Azam bin Kamarudin**, Arba'ei Sujud (2017) *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman, International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Bil.7. 47-63.
- Syaidul Azam bin Kamarudin**, Arba'ei Sujud (2018). *Bahasa Melayu sebagai Teras Jati Diri Kebangsaan dalam Sajak-sajak Pilihan Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Jurnal Malay Literature*. DBP.
- Syaidul Azam bin Kamarudin**, Samsina Abdul Rahman (2018). *Jati Diri Bahasa dalam Kumpulan Puisi Pilihan A. Aziz Deraman. Jurnal Saujana*. KYPJ.
- Syaidul Azam bin Kamarudin**, Arba'ei Sujud, Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin (2019). *Unsur Budaya Kaum Lain sebagai Jati Diri Kebangsaan dan Pemersatu Bangsa Malaysia dalam Sajak-sajak Pilihan Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Jurnal Malay Literature*. DBP.





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

JATI DIRI KEBANGSAAN DALAM SAJAK-SAJAK TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

**NAMA PELAJAR :** SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]